

# AKTIVITI PU SENDAYAN RUN DAN MAJLIS PENUTUP PROGRAM ‘INSKEP BMI CHALLENGE’ (IBC)

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4897-aktiviti-pu-sendayan-run-dan-majlis-penutup-program-inskep-bmi-challenge-ibc](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4897-aktiviti-pu-sendayan-run-dan-majlis-penutup-program-inskep-bmi-challenge-ibc)

SENDAYAN, 25 Apr 19 – Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Aktiviti ‘PU Sendayan Run’ dan Majlis Penutup Program ‘INSKEP BMI Challenge’ (IBC) di Pangkalan Udara Sendayan.

Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama 18 anggota Program (IBC) telah terlibat dalam aktiviti larian sejauh 4.2km yang dilepaskan oleh Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato’ Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM.

Selepas larian turut diadakan Majlis Penutup Program IBC yang disempurnakan oleh PPLU dengan menyampaikan sijil kepada peserta diringi oleh PS 1 Kurikulum/ Latih MPPLU, Lt Kol Khairul Nawar bin Bokhari TUDM.

Syabas dan tahniah kepada peserta Program IBC dengan usaha yang gigih untuk menurunkan berat badan bagi mencapai tahap BMI unggul. Seramai 10 orang anggota berjaya memperolehi BMI yang unggul manakala 8 orang lagi memperolehi penurunan yang positif dalam tempoh program dan telah berjaya mengharungi semua 16 cabaran dengan jarak keseluruhan 140.3 km. Jutaan terima kasih kepada Pegawai Sukan INSKEP, Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM dan staf INSKEP secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program tersebut.

